



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM
JABATAN ALAM SEKITAR

KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK

SAMBUTAN HARI BUMI TAHUN 2025 PERINGKAT SARAWAK

KUCHING, 21 APRIL 2025 – Sambutan Hari Bumi diraikan pada 22 April setiap tahun seluruh dunia sebagai usaha menghargai bumi dan menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar. Sambutan Hari Bumi pada tahun ini bertemakan ‘Our Power, Our Planet’. Tema tahun ini adalah untuk menggalakkan ke arah memanfaatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui bagi memastikan masa depan sihat, mampan dan makmur. Hari Bumi disambut sebagai usaha menghargai bumi dan menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar.

Sambutan Hari Bumi Peringkat Negeri Sarawak telah dianjurkan bersama oleh pelbagai agensi kerajaan negeri dan persekutuan, industry serta komuniti di Sarawak yang merangkumi Jabatan Alam Sekitar (JAS), Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd., Politeknik Kuching, Kolej Komuniti Mas Gading, Universiti Malaysia Sarawak Majlis Perbandaran Pandawan, Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar Sarawak, Jabatan Belia Dan Sukan Sarawak, Jabatan Hutan Sarawak, Sarawak Forestry Corporation, Jabatan Kesihatan, Lembaga Sungai-Sungai Sarawak serta pelajar-pelajar dan komuniti Kg Trombol.

Majlis dirasmikan oleh YB Datuk Haji Len Talif Salleh, Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar Sarawak pada 21 April 2025 di Politeknik Kuching. Sambutan kali ini menjadikan pelajar IPT sebagai golongan sasaran kerana pelajar IPT merupakan generasi akan datang yang akan mencorakkan pembangunan negara dengan mengambilkira penjagaan bumi dan alam sekitar.

Program dan aktiviti yang diadakan bersempena Sambutan Hari Bumi Tahun 2025 Peringkat Sarawak ini melibatkan aktiviti yang bertemakan alam sekitar iaitu Pembersihan Pantai di Trombol, Pertandingan Bakat PolyCC Talent 17, Pertandingan Treasure Hunt, Dekorasi Kek Bertema Alam Sekitar dan Pertandingan Rekabentuk dan Membina Arca serta penanaman pokok.

-TAMAT-

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK

APRIL 2025